

Istana bukan cuma rai, istiadat'

Raja Nazrin saran institusi raja lakukan perubahan, kekal martabat

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Institusi raja perlu bersedia melakukan perubahan tetapi pada masa sama memelihara tradisi yang baik untuk terus kekal sebagai institusi bermartabat, kata Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah.

Baginda bertitah, zaman lalu menyaksikan kejatuhan banyak takhta di seluruh dunia.

Oleh itu, titahnya, raja perlu memperlihatkan watak tegas, bijaksana dan adil serta memiliki barisan pembesar dan penasihat daripada kalangan mereka yang arif, berilmu dan ikhlas untuk terus kekal berperanan dalam pemerintahan negara.

"Biar apa pun sistem raja itu di landaskan, peranan raja bukanlah sekadar menjadi simbol untuk melak-

sanakan tugas keraian dan istiadat semata-mata. Raja bukanlah monumen hiasan yang kaku, tanpa nyawa, tanpa jiwa," titah baginda pada forum khas Melayu Islam Beraja di Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, malam tadi.

Forum itu diadakan sempena Hari Keputeraan Ke-60 Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah. Teks ucapan baginda dikeluarkan di sini, semalam.

Dalam titah utamanya bertajuk 'Kecemerlangan Institusi Beraja' di hadapan Sultan Hassanal Bolkiah itu, Raja Nazrin menyentuh sejarah sistem dan negara beraja, faktor kejatuhan dan kebangkitannya, peranan dan kesinambungan dalam menghadapi cabaran dunia global semasa.

Bagi baginda, sistem Raja Berperlembagaan perlu ditafsir sebagai perkongsian kuasa antara raja dan rak-

yat kerana raja menjadi sumber rujukan ketika berlaku krisis di kalangan rakyat serta memastikan wujudnya mekanisme semak dan imbang antara cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman.

Titah baginda, walaupun umumnya raja bertindak berasaskan nasihat pimpinan kerajaan pilihan rakyat, raja tidak harus sama sekali memberi perkenan jika apa yang dipersembahkan bercanggah dengan semangat Perlembagaan, keluhuran undang-undang dan prinsip keadilan sejagat.

"Raja sama sekali tidak boleh memihak kepada perbuatan tidak melambangkan keadilan atau merestui tindakan yang tidak mencerminkan kebenaran," titah baginda.

Titah baginda, raja perlu berperanan memastikan negara ditadbir dengan cekap, berkesan dan telus ser-

ta tidak menyimpang daripada tanggungjawab yang diamanahkan.

Baginda bertitah, pentadbir yang dilantik mengurus negara perlu membuktikan kesetiaan kepada raja dengan melaksanakan tanggungjawab secara amanah, ikhlas dan bersungguh-sungguh serta tidak rasuah.

"Raja jatuh kerana jatuhnya negara, negara jatuh kerana resahnya rakyat. Urus tadbir yang lemah menjadi punca keresahan rakyat, urus tadbir pincang merosakkan negara dan akhirnya melemahkan raja.

"Itulah bentuk pengorbanan seseorang yang berbaiah kepada raja, sumpah setia yang perlu diterjemahkan dengan memastikan kestabilan kerajaan, memajukan kemakmuran negara dan menjamin kesejahteraan warga," titah baginda.

Menyentuh soal keselamatan du-

nia, Raja Nazrin bertitah, kekecewaan di kalangan pelopor gerakan Islam menjadi antara punca dan semua raja bertanggungjawab menangani ancaman itu kerana sebahagian daripada masalahnya boleh diselesaikan dari istana.

Katanya, raja di negara bukan Islam dapat membantu menangartimalah dan ancaman ini dengan memelopori perbincangan antara agama dan budaya, selain meningkatkan kefahaman terhadap Islam serta sama-sama membela nasib mereka yang menderita terutama di Palestin, Afghanistan dan Lebanon.

Raja Nazrin bertitah, dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, raja dan rakyat tidak lagi dibatasi pekarangan istana dan mereka sama-sama mengikuti peristiwa secara langsung tanpa tapisan.